

31 JAN 2002

Rais-Majalah

KERAJAAN MUNGKIN AMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP NEWSWEEK

SHAH ALAM, 31 Jan (Bernama) -- Pejabat Peguam Negara diminta mengkaji kemungkinan mengambil tindakan sivil terhadap majalah Newsweek kerana menyiarkan laporan melulu yang menuduh kononnya Malaysia menjadi tempat pelancaran serangan 11 Sept ke atas Amerika Syarikat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim berkata beliau telah mengarahkan Pejabat Peguam Negara mengkaji beberapa artikel yang disiarkan oleh majalah antarabangsa itu.

"Saya sudah pun mengumpul pelbagai artikel yang disiarkan oleh majalah ini dan meminta Pejabat Peguam Negara mengkajinya dan mengemukakan laporan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Wacana Pemikir di Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini, hari ini.

Beliau berkata Peguam Negara dijangka menyiapkan laporan itu dalam masa satu atau dua minggu lagi.

Dr Rais berkata selain itu, tindakan juga boleh diambil menerusi Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 1984 terhadap Newsweek kerana menyiarkan laporan yang tidak benar.

Malaysia, katanya tidak peduli sama ada laporan berkenaan kritikal terhadap negara ini atau sebaliknya tetapi laporan itu sepatutnya berasaskan fakta sebenar terutama dakwaan kononnya Malaysia sebagai sumber keganasan.

Dr Rais berkata laporan berbentuk tohmahan itu mungkin mempunyai tujuan politik antarabangsa berikutan kemampuan Malaysia yang masih kukuh dari segi ekonomi berbanding beberapa negara lain yang mengalami masalah ekonomi yang teruk.

"Saya yakin kita akan dapat melunaskan menerusi undang-undang antarabangsa atau wilayah dan kenegaraan kita supaya tindakan tegas diambil menerusi tindakan mahkamah," katanya.

Beliau juga berkata kabinet telah meminta Bahagian Penerbitan Kementerian Dalam Negeri meneliti kandungan laporan majalah antarabangsa lain yang menyiarkan laporan kononnya Malaysia menjadi sumber kepada aktiviti keganasan.

"Kita dituduh kononnya menjadi kancah bagi kesemarakkan terrorisme (keganasan), ini pandangan yang melulu dan kerajaan mengambil berat sikap sesetengah majalah tersebut," katanya.

Majalah Newsweek edisi 4 Feb dalam laporannya mendakwa Malaysia sebagai tempat pelancaran utama serangan 11 Sept terhadap Amerika Syarikat (AS).

Sumber perisikan AS yang dipetik majalah itu sebagai berkata dipercayai bekas kapten tentera Malaysia, Yazid Sufaat, yang menganggotai kumpulan Jemaah Islamiah telah membantu dan membangunkan rangkaian sokongan bagi ketua pengganas yang disyaki, Osama bin Laden, di Malaysia dan Asia Tenggara.

Yazid kini ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berhubung kegiatan Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Laporan itu juga mendakwa bahawa Kuala Lumpur merupakan tempat paling baik bagi orang Arab untuk bersembunyi dan bandaraya ini juga menarik ramai pelancong Arab.

Laporan itu turut mendakwa bahawa undang-undang Malaysia membenarkan orang Islam memasuki dan meninggalkan negara ini tanpa memerlukan visa.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin lepas menafikan tuduhan bahawa Malaysia menjadi tempat pelancaran utama serangan 11 Sept sebaliknya AS sendiri menjadi landasan kepada serangan itu.

Sementara itu, Dr Rais berkata kerajaan akan menapis penghantaran pelajar ke negara-negara yang disyaki mempunyai unsur keganasan dan pelampau bagi memastikan mereka tidak terjebak dengan unsur-unsur militan.

Pelajar perlu menunjukkan maklumat mengenai pengajian yang akan mereka ikuti serta sumber kewangan yang diperolehi sebelum melanjutkan pelajaran masing-masing di negara terbabit, katanya.

-- BERNAMA

RZS ZS NAK